

Kerjasama lahir tenaga mahir projek HSR

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bersedia bekerjasama dengan Jepun bagi tujuan penyelidikan dan melahirkan keperluan tenaga mahir untuk projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) sekiranya negara itu memenangi bidaan kontrak terbabit.

Naib Canselor UTM Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar berkata, cadangan kerjasama universiti itu dengan Jepun bagi

mewujudkan pusat latihan untuk memenuhi keperluan tenaga mahir tersebut bukanlah sesuatu perkara baru.

Kerjasama UTM-Jepun wujud sejak sekian lama melalui penubuhan Institut Teknologi Antarabangsa Malaysia Jepun (MJIIT) di UTM Kampus Kuala Lumpur.

“Insya-Allah, kita (UTM) bersedia. Bagi UTM, penglibatan kami di peringkat melahirkan modal insan iaitu keperluan sumber

manusia meliputi perancangan, pembinaan dan pengoperasian HSR.

“Ini bidang yang saya lihat untuk UTM memainkan peranan dalam projek HSR ini,” katanya.

Wahid berkata demikian mengulas cadangan Jepun yang menyasarkan tiga universiti tempatan iaitu UTM, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Teknikal Malaysia (UTeM).
– BERNAMA